

# Mahasiswa perlu kenali adat resam penduduk, kata Yussof

LABUAN: Mahasiswa perlu mengetahui dan mengenali serta mempelajari adat resam penduduk kampung di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal berkata mereka sewajarnya mengambil peluang selama berada di menara gading untuk mendekati diri dengan masyarakat di 27 buah kampung di wilayah ini.

Katanya, mahasiswa yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang menganut pelbagai agama dan bangsa perlu merebut kesempatan ini untuk mengenali kehidupan penduduk tempatan.

Beliau berkata, selain menimba ilmu pengetahuan, mahasiswa wajar beramah mesra dengan masyarakat setempat sebagai tanda perkongsian atas kehadiran

mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu.

"Inilah masa yang paling sesuai untuk mahasiswa mengetahui dan mengenali dengan lebih dekat adat resam dan kehidupan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup program Jalinan Kasih Bakti Siswa, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kampung Bukit Kuda, Ahad lalu.

Pada majlis itu, Yussof mengumumkan peruntukan RM5,000 kepada penganjur atas kejayaan mereka mengadakan program Jalinan Kasih Bakti Siswa 2013.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Ketua Kampung Bukit Kuda, Mustapha



**YUSSOF, Ismail dan Mustapha bergambar kenangan dengan mahasiswa UMSKAL yang menyertai program Jalinan Kasih Bakti Siswa di Kampung Bukit Kuda.**

Tangkim, Penolong Pendaftar HEP, Suffian Osman dan Pengarah Program, Dayang Intan Awang Damit.

Seramai 67 mahasiswa tinggal bersama keluarga angkat dengan mengikuti pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka membantu ahli masyarakat dalam pembangunan mental dan fizikal.

Program Bakti Siswa pada 29-31 Mac lalu juga untuk melatih mahasiswa dalam pengurusan berorganisasi dan membentuk nilai-nilai murni sebagai generasi yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa depan.

Sementara itu, Ismail mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Labuan, penduduk Kampung Bukit Kuda, Jabatan Perpdauan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Penyiaran dan Jabatan

Penerangan atas komitmen mereka menjayakan program itu.

Katanya, program Jalinan Kasih Bakti Siswa akan terus diadakan di 27 buah kampung di Labuan untuk mendekati mahasiswa dengan penduduk tempatan selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau mahu penduduk kampung juga merasai kehadiran mahasiswa dan kewujudan UMSKAL sebagai satu-satunya IPTA yang dibina oleh kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Saya akan memastikan program Jalinan Kasih Bakti Siswa akan dijadikan acara tahunan dan menjelajah di 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang," katanya.

Ismail juga berharap penduduk kampung akan

mendekatkan diri dengan mahasiswa UMSKAL yang berasal dari pelbagai bangsa, agama dan budaya sesuai dengan gagasan 1Malaysia.

Dalam pada itu, Dayang Intan berkata mahasiswa turut membantu pelajar-pelajar sekolah menengah meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mencipta kejayaan dalam bidang

akademik.

Katanya, program seperti itu mampu mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara UMSKAL dengan masyarakat.

Beliau berharap hubungan antara mahasiswa dengan keluarga angkat akan berterusan walaupun mereka sudah menamatkan pengajian kelak.



**(Gambar kanan) ISMAIL (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Yussof selepas majlis perasmian penutupan program Jalinan Kasih di Kampung Bukit Kuda.**



**YUSSOF (kiri) menyampaikan cenderamata kepada keluarga angkat pada program Bakti Siswa UMSKAL di Kampung Bukit Kuda Labuan diperhatikan Ismail (dua kanan) dan Mustapha (empat kanan).**



**KELUARGA angkat dan mahasiswa UMSKAL sama-sama menyanyikan lagu tradisional sempena program Jalinan Kasih Bakti Siswa 2013.**